

KESAN PENGGUNAAN TEKNOLOGI KEWANGAN (*FINTECH*) TERHADAP KUTIPAN ZAKAT OLEH MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI: ANALISIS PERBANDINGAN

MOHD FAISOL IBRAHIM

faisol@usim.edu.my

Fakulti Ekonomi dan Muamalat,
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

MOHD NASIR ALI

mohdnasir@kuis.edu.my

Fakulti Syariah dan Undang-Undang,
Kolej Universiti Antarbangsa Selangor (KUIS)

Abstrak

Zakat merupakan satu-satunya alat kewangan sosial Islam yang wujud dalam rukun Islam. Ini menggambarkan bahawa zakat merupakan alat yang terpenting dalam sosioekonomi masyarakat Islam sepanjang zaman. Kutipan zakat yang tinggi akan memberi impak positif kepada pengagihan zakat. Bagi memastikan kutipan zakat ini sentiasa meningkat setiap tahun maka kaedah kutipan zakat perlu di pelbagai seiring dengan perubahan teknologi. Pembaharuan dalam teknologi semasa seperti *FinTech* telah mengubah sistem pengurusan zakat di Malaysia. Institusi pengurusan zakat di Malaysia perlu memanfaatkan perkembangan teknologi *FinTech* untuk memacu kutipan zakat. Oleh itu kajian ini akan mengkaji pengurusan kutipan zakat menggunakan *FinTech* oleh institusi zakat di Malaysia. Kajian ini memfokuskan dua buah institusi agama negeri yang bertanggungjawab dengan kutipan zakat. Bagi mencapai objektif kajian ini, kaedah penyelidikan secara perpustakaan telah digunakan bagi mendapatkan maklumat yang tepat. Hasil kajian mendapati terdapat perbezaan jumlah bilangan kaedah kutipan zakat menggunakan *FinTech* di kalangan institusi Majlis Agama Islam Negeri. Kesan daripada kekurangan penggunaan *FinTech* secara maksimum oleh institusi zakat ini memberi kesan kepada jumlah kutipan zakat dan ini amat merugikan masyarakat Islam dan institusi zakat itu sendiri. Oleh itu itu insitusi zakat negeri perlu sentiasa lebih berinovasi agar kutipan zakat dapat dimaksimumkan setiap tahun.

Kata Kunci: Kutipan zakat; institusi zakat; *FinTech*.

1. Pendahuluan

Ledakan teknologi maklumat serta perkembangan sistem perbankan Islam di Malaysia, kaedah pembayaran zakat tidak lagi tertumpu kepada kaedah konvensional sebaliknya pelbagai kaedah bayaran zakat disediakan oleh institusi zakat negeri dengan kerjasama pelbagai pihak termasuk institusi perbankan Islam. Ini penting kerana perubahan kos sara hidup yang tinggi di Malaysia telah menyebabkan peningkatan bilangan golongan asnaf yang memerlukan bantuan zakat. Pihak institusi zakat perlu mencari alternatif terbaik dan berkesan untuk menangani isu ini dengan meningkatkan jumlah kutipan zakat melalui kerjasama dengan institusi perbankan Islam di Malaysia.

FinTech merupakan singkatan perkataan *Financial Technology* yang membawa maksud Teknologi Kewangan. Pada tahun 2018 terdapat 85.1% penduduk di Malaysia menggunakan perbankan atas talian bagi urusan mereka (Laporan *FinTech*, 2018). Kekangan masa, tenaga,

wang dan faktor keselamatan menyebabkan masyarakat mula berpindah kepada penggunaan perbankan atas talian. Masyarakat kini tidak lagi perlu membawa wang dalam jumlah yang banyak hanya sekadar penggunaan *FinTech* seperti kad debit, kad kredit, e-dompet dan aplikasi atas talian lain seperti jom pay, e-zakat, perbankan internet dan lain-lain lagi. Institusi perbankan khususnya perbankan Islam mula mengaplikasi penggunaan *FinTech* dalam urusan perbankan mereka bagi memudahkan urusan mereka seterusnya menarik minat pelanggan dengan perkhidmatan yang ditawarkan. Terdapat institusi zakat di Malaysia yang telah menjalinkan kerjasama dengan pihak bank (Mohd Faisal, 2016) bagi menggunakan kemudahan *FinTech* untuk memudahkan pelanggan mereka membayar zakat. Ini secara tidak langsung membantu melonjakkan jumlah kutipan zakat.

Sebagai institusi kewangan sosial Islam utama, institusi berkaitan zakat perlu bertindak pantas dengan menghulurkan bantuan agihan zakat kepada asnaf yang memerlukan bantuan seperti mangsa-mangsa pandemik COVID19. Peruntukan ini hanya dapat disalurkan jika jumlah kutipan zakat setiap tahun mengalami peningkatan. Bagi merealisasikan objektif ini, institusi zakat negeri perlu merangka strategi kutipan zakat bersepadu dan komprehensif menggunakan teknologi terkini dengan bantuan kerjasama daripada institusi lain ataupun menggunakan kepakaran modal insan institusi zakat negeri itu sendiri.

Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) merupakan salah sebuah institusi berkaitan urusan zakat di Malaysia dan masih belum dikorporatkan. MAIK ditubuhkan pada 17 Safar 1334 bersamaan 24 Disember 1915 melalui satu perisytiharan oleh Sultan Muhammad Ke IV. Penubuhannya bertujuan untuk menasihati Sultan selaku ketua agama berkenaan dengan hal ehwal agama Islam dan adat istiadat Melayu Kelantan. Salah satu misi MAIK adalah pengurusan zakat, infaq, wakaf dan baitulmal serta pentadbiran masjid yang amanah dan profesional. Kutipan zakat di Kelantan telah pertanggungjawabkan kepada bahagian Baitulmal MAIK manakala agihan zakat dipertanggungjawabkan kepada bahagian pembangunan.

Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk) juga merupakan salah institusi berkaitan zakat dan masih belum dikorporatkan. MAIPk juga merupakan salah sebuah Badan Berkanun Negeri Perak. Secara umumnya MAIPk menjadi organisasi utama yang bertanggungjawab dan diamanahkan untuk mengurus zakat dan wakaf di Negeri Perak. Dana zakat merupakan instrumen penting kepada lapan golongan asnaf yang perlu dibantu dengan pelbagai jenis bentuk dan skim bantuan yang telah MAIPk sediakan. Menjadi satu cabaran bagi MAIPk untuk membantu semua golongan asnaf terutama asnaf fakir dan miskin supaya dapat mengubah kehidupan dan mengeluarkan golongan ini daripada kepompong kemiskinan.

2. Kajian Lepas

Menurut Md. Shahnur (2013), penggunaan aplikasi atas talian dapat mengurangkan masalah ketirisan atau kebocoran dalam pengurusan kewangan serta meningkatkan keberkesanan perkhidmatan. ni penting bagi meningkatkan keyakinan pembayar zakat di Malaysia membayar zakat melalui kaedah atas talian.

Kepelbagaian kaedah bayaran zakat oleh institusi zakat di Malaysia sebenarnya mampu meningkatkan hasil kutipan zakat (Mohammed Yusoff & Sorfina, 2012). Menurut Mohd Faisal

(2016) pula, terdapat ketidakseragaman kaedah-kaedah bayaran zakat yang ditawarkan oleh institusi zakat termasuk institusi zakat yang dikorporatkan dan institusi zakat yang tidak dikorporatkan. Selain itu, menurut Muhsin (2014) perkhidmatan atas talian seperti perbankan internet, kaunter pos, kaunter bank, perbankan telefon, khidmat pesanan ringkas serta kaunter pusat zakat yang ada di pelbagai tempat tumpuan awam diadakan, bertujuan hanya untuk membantu umat Islam berzakat dengan lebih mudah dan sekaligus berupaya meningkatkan lagi kutipan zakat saban tahun. Pandangan ini di sokong oleh kajian yang dilakukan Aman et.al (2020) yang menyatakan bahawa sebelum ini bayaran zakat fitrah hanya menggunakan wang fiat tetapi sekarang bayaran zakat fitrah boleh menggunakan teknologi kewangan (*FinTech*).

Menurut Ridzuan (2020), penggunaan *FinTech* terhadap pengurusan Lembaga Zakat Kedah sangat penting khususnya berkaitan kutipan kerana semua institusi kewangan di Malaysia sudah bergerak ke arah *Fintech*. Menurutnya lagi sekiranya pengurusan zakat negeri tidak mengikuti perkembangan *FinTech* akan menyebabkan mereka jauh ketinggalan. E-Zakat akan menjadikan institusi zakat lebih cekap dan kos efektif, memudahkan perkhidmatan, membolehkan akses yang lebih meluas kepada maklumat zakat, dan membuat institusi zakat lebih bertanggungjawab kepada rakyat (Faisol, 2014).

Kajian yang dilakukan oleh Mohd Faisol (2014) juga menjelaskan bahawa penggunaan laman sesawang zakat membolehkan para pengguna boleh mendapatkan maklumat terkini dengan tepat di mana sahaja mereka berada dengan fungsi streamyx, broadband dan wifi, maka pembayaran zakat juga boleh dilakukan secara jarak jauh atau pun atas talian melalui laman sesawang tersebut. Oleh itu, institusi zakat tidak cukup hanya diuruskan berdasarkan prinsip-prinsip tradisional tetapi lebih dari itu bagi mencapai tahap profesionalisme institusi zakat (Hasan & Ezani (2006).

3. Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan deskriptif kualitatif dan jenis kajian yang digunakan adalah kajian perpustakaan iaitu mengumpul data yang bersesuaian dengan objek penelitian atau pengumpulan data yang bersifat keperpustakaan. Antara bahan yang terlibat dalam pencarian maklumat adalah buku, akhbar, jurnal, majalah asnaf, majalah dewan ekonomi, laporan tahunan institusi zakat negeri dan juga laman sesawang setiap institusi zakat negeri. Kaedah penyelidikan ini memerlukan pengumpulan data berkaitan daripada dokumen tertentu dan menyusun data untuk menganalisis bahan dan memberi kefahaman yang lebih mendalam berkaitan dengan kutipan dan bayaran zakat di Malaysia. Kajian ini hanya memfokuskan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan dan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak. Kedua-dua institusi berkaitan zakat ini merupakan institusi zakat yang belum dikorporatkan.

4. Hasil Dan Perbincangan

Jadual 1: Kaedah Bayaran Zakat Menggunakan *FinTech* Bagi Tahun 2021

Sumber: Laman Sesawang MAIK 2021 dan MAIPk 2021.

Bil	Kaedah Bayaran Zakat Menggunakan FinTech	MAIK	MAIPk
1.	E Zakat/Jom Pay/ Jom Zakat	/	x
2.	E-Wallet/QR Code	x	/
3.	Perbankan Internet	/	/
4.	Kad Kredit	/	x
5.	Kad Debit	/	x
6.	SMS	x	x
7.	Perbankan Telefon	x	x
8.	FPX (Financial Process Exchange)	/	/

Jadual 1 di atas menunjukkan kaedah-kaedah bayaran zakat menggunakan *FinTech* di MAIK dan MAIPk. Kaedah bayaran zakat menggunakan *FinTech* di Malaysia dapat dibahagikan kepada lapan jenis dengan mengambil kira kaedah yang digunakan oleh Lembaga Zakat Selangor dan Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan. Kaedah bayaran zakat menggunakan *FinTech* merupakan pendekatan kutipan zakat secara atas talian dan maya menggunakan sistem teknologi kewangan yang mudah, pantas dan jimat. Kaedah bayaran zakat menggunakan *FinTech* ini adalah E Zakat/Jom Pay/ Jom Zakat, E-Wallet/QR Code, perbankan internet, kad kredit, kad debit, SMS, perbankan telefon dan FPX.

MAIK merupakan Majlis Agama Islam Negeri yang paling proaktif menggunakan *FinTech* berbanding MAIPk dalam melaksanakan kutipan zakat. Terdapat lima kaedah bayaran zakat menggunakan *FinTech* telah digunapakai oleh MAIK berbanding tiga kaedah oleh MAIPk. MAIK hanya tidak menawarkan pembayaran zakat menggunakan E-Wallet/QR Code, SMS dan perbankan telefon kepada *muzakki* (pembayar zakat) berbanding MAIPk yang hanya menawarkan pembayaran zakat menggunakan E-Wallet/QR Code, perbankan internet dan FPX kepada *muzakki* (pembayar zakat). Perbezaan ini jelas menunjukkan bahawa setiap institusi berkaitan zakat negeri mempunyai bilangan kaedah yang berbeza bagi strategi meningkatkan pengurusan kutipan zakat negeri masing-masing.

Jadual 2: Perkhidmatan Kutipan dan Bayaran Zakat Menggunakan *FinTech* Melalui Perbankan Internet dan FPX Di Institusi Perbankan Islam di Malaysia

Sumber: Laman Sesawang MAIK 2021 dan MAIPk 2021

Institusi Perbankan Islam	Pemilikan	MAIK	MAIPk
Affin Islamic Bank Berhad	Tempatan	/	/
Al Rajhi Banking & Investment Corporation (Malaysia) Berhad	Asing	/	X
Alliance Islamic Bank Berhad	Tempatan	X	X
AmBank Islamic Berhad	Tempatan	/	/
Bank Islam Malaysia Berhad	Tempatan	/	/
Bank Muamalat Malaysia Berhad	Tempatan	/	/
CIMB Islamic Bank Berhad	Tempatan	/	/
HSBC Amanah Malaysia Berhad	Asing	/	/
Hong Leong Islamic Bank Berhad	Tempatan	X	/
Kuwait Finance House (Malaysia) Berhad	Asing	X	/
MBSB Bank Berhad	Tempatan	X	X
Maybank Islamic Berhad	Tempatan	/	/
OCBC Al-Amin Bank Berhad	Asing	/	/
Public Islamic Bank Berhad	Tempatan	X	/
RHB Islamic Bank Berhad	Tempatan	X	/
Standard Chartered Saadiq Berhad	Asing	/	X

Kewujudan 16 buah institusi perbankan Islam telah mengubah corak pengurusan zakat di Malaysia khususnya berkaitan kutipan zakat menggunakan *FinTech*. Jadual 2 di atas menunjukkan 16 institusi perbankan Islam yang beroperasi di Malaysia pada tahun 2021. Terdapat empat buah institusi perbankan Islam yang beroperasi di Malaysia dimiliki oleh pemilikan asing manakala selebihnya adalah pemilikan tempatan. Jadual di atas juga jelas memperlihatkan hampir semua institusi perbankan Islam di Malaysia terlibat dengan perkhidmatan bayaran zakat menggunakan kemudahan perbankan internet dan FPX kecuali Alliance Islamic Bank Berhad dan MBSB Bank Berhad.

Di samping itu MAIPk merupakan institusi zakat negeri yang mempunyai bilangan institusi perbankan Islam terbanyak menawarkan perkhidmatan bayaran zakat menggunakan kemudahan perbankan internet dan FPX iaitu 12 buah daripada keseluruhan institusi perbankan Islam di Malaysia. Hanya dua buah institusi perbankan Islam asing dan dua buah institusi perbankan Islam tempatan yang masih belum berjaya menjalinkan kerjasama dengan MAIPk. Ini berbeza dengan MAIK di mana hanya 10 buah institusi perbankan Islam yang menawarkan perkhidmatan bayaran zakat menggunakan kemudahan perbankan internet dan FPX. Selain itu hanya sebuah institusi perbankan Islam asing iaitu Kuwait Finance House Berhad yang masih belum menjalinkan kerjasama dengan MAIK.

Selain itu terdapat lapan buah institusi perbankan Islam yang berjaya menawarkan perkhidmatan bayaran zakat dengan menggunakan perbankan internet dan FPX bagi kedua-dua institusi zakat negeri ini iaitu Affin Islamic Bank Berhad, AmBank Islamic Berhad, Bank Islam, Bank Muamalat, CIMB Islamic Bank Berhad, HSBC Amanah Malaysia Berhad, Maybank Islamic Berhad dan OCBC Al-Amin Bank Berhad.

Ini jelas menunjukkan terdapat jurang hubungan kerjasama institusi perbankan Islam di Malaysia dengan institusi berkaitan zakat di Malaysia. Kelompangan ini perlu segera di atasi bagi memastikan jumlah kutipan zakat melalui kemudahan *FinTech* dapat ditingkatkan ke tahap yang paling optimum. Peningkatan jumlah kutipan zakat akan mempengaruhi jumlah agihan zakat di Malaysia. Peningkatan jumlah agihan zakat pula akan meningkatkan jumlah penerima zakat di Malaysia.

Jadual 3: Perbandingan Kutipan Zakat Dari Tahun 2010 Hingga 2019

Tahun	Jumlah Kutipan Zakat	MAIK	MAIPk
1.	2010	70.3 juta	70.8 juta
2.	2011	94.0 juta	87.4 juta
3.	2012	113.1 juta	103.2 juta
4.	2013	134.1 juta	109.8 juta
5.	2014	144.5 juta	114.5 juta
	Jumlah (A)	556 juta	485.7 juta
6	2015	161.9 juta	136.5 juta
7.	2016	170.1 juta	151.1 juta
8.	2017	170.7 juta	170.7 juta
9.	2018	185.2 juta	176.2 juta
10.	2019	194.9 juta	207.1 juta
	Jumlah (B)	882.8 juta	841.6 juta
	Jumlah A + B	1438.8 juta	1327.3 juta

Sumber: Laporan MAIPk (2010-2019), Laporan MAIK (2013-2019) dan

Sebelum tahun 2010, kebanyakan kutipan zakat masih belum menggunakan kaedah *FinTech* sepenuhnya dan kebanyakan bayaran kutipan zakat menggunakan perkhidmatan kaunter zakat dan potongan zakat oleh majikan. Kepakaran pengetahuan dalam teknologi kewangan (*FinTech*) akibat kepesatan teknologi masa kini telah berjaya mempengaruhi jumlah kutipan zakat di MAIK dan MAIPk dari tahun 2010 hingga 2019. Walaupun kedua-dua institusi ini masih belum dikorporatkan, jumlah kutipan zakat di MAIK dan MAIPk masing-masing melebihi RM 1 bilion bagi tempoh 2010 hingga 2019. Namun jumlah kutipan zakat di MAIK lebih tinggi daripada jumlah kutipan zakat di MAIPk sebanyak RM111.5 juta. Ini berlaku kerana faktor demografi rakyat di negeri Kelantan yang suka berniaga dan sangat sensitif dengan perihal agama Islam.

Selain itu peningkatan mendadak kutipan zakat melalui penggunaan *FinTech* membuktikan *FinTech* telah memberi impak yang sangat besar kepada institusi zakat negeri di Malaysia. Ini dapat dilihat apabila jumlah kutipan zakat oleh MAIPk telah mengatasi MAIK dengan jumlah kutipan zakat telah meningkat sebanyak 73.2 peratus dalam tempoh lima tahun berbanding MAIK yang hanya meningkat sebanyak 58.7 peratus. Ini menunjukkan bahawa walaupun jumlah kutipan zakat di MAIK lebih tinggi daripada MAIPk tetapi peratus peningkatan jumlah kutipan di MAIPk yang tinggi menunjukkan bahawa kesedaran membayar zakat di MAIPk semakin tinggi dengan adanya kemudahan *FinTech*. Di samping itu jumlah kutipan zakat oleh

MAIPk juga telah mengalami peningkatan yang sangat ketara iaitu sebanyak 192.5 peratus dari tahun 2010 hingga 2019 berbanding MAIK yang hanya 177.2 peratus sahaja.

5. Kesimpulan

Penggunaan *FinTech* perlu dimanfaatkan sepenuhnya oleh institusi berkaitan zakat di Malaysia. Institusi zakat negeri di Malaysia perlu bersedia mengharungi dunia digital yang memerlukan pengurusan zakat yang lebih dinamik sejajar dengan Revolusi Industri 4.0 yang sangat menekankan penggunaan *FinTech*. Selain itu institusi zakat negeri perlu menjalinkan kerjasama dengan semua institusi perbankan Islam agar lebih ramai lagi pembayar zakat berpotensi menggunakan kemudahan *FinTech* bagi menunaikan keperluan membayar zakat. Di harapkan kajian ini akan dapat membantu institusi zakat negeri membuat pembaharuan dan penambahbaikan kepada sistem kutipan zakat khususnya berkaitan penggunaan QR Code bagi kutipan dan agihan zakat. Pihak institusi zakat seharusnya mula memikirkan kaedah tersendiri menggunakan *FinTech* bagi membolehkan pembayaran zakat dilaksanakan tanpa memerlukan pihak ketiga. Sekiranya ini dapat dilakukan jumlah kutipan zakat akan melonjak ke tahap maksimum.

6. Rujukan

Aman Shah Siraj, Mohd Faisal Ibrahim, Nuradli Ridzwan Shah Mohd Dali, 2020. Engineering Of Zakat Fitrah's Collection Via Finance Technology (Fintech). E-Prosising International Seminar On Islam and Science, pp. 876-881.

Fintech Malaysia Report 2018 – the state of playe for Fintech Malaysia. Dicapai pada 22 Oktober 2020, pada <https://fintechnews.my/17922/editors-pick/fintech-malaysia-report-2018/>

Hasan Bahrom & Ezani Yaakub, 2006. *Pengurusan Zakat Semasa*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA) UiTM.

Md. Shahnur Azad Chowdhury, Md Musa Khan & Ms Sultana Akter, 2013. Corruption in Islamic Perspective and the Roles of Information and Communication Technology (ICT) to Control It, *Journal of Islamic Management and Business*. Vol.5, No.11, pp. 36-43.

Mohammed Yusoff & Sorfina Densumite, 2012. Zakat Distribution and Growth in the Federal Territory of Malaysia. *Journal of Economics and Behavioral Studies*. Vol. 4, No. 8, pp. 449-456.

Mohd Faisal Ibrahim, 2014. Sistem Pengurusan Zakat di Malaysia: Analisis Strategi Penyebaran Maklumat Menerusi Laman Sesawang, *Jurnal Pengurusan*. Vol. 42, 119-130.

Mohd Faisal Ibrahim, 2016. Analisis Kaedah Bayaran Zakat Harta Oleh Institusi Zakat Di Malaysia, *The Journal of Muamalat and Islamic Finance Research*. Vol. 13, No 2, 109-123.

Muhsin Nor Paizin, 2014. Amalan Dakwah Zakat Di Wilayah Persekutuan Malaysia: Satu Pemerhatian. Proceeding of the International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization, iCasic2014 (e-ISBN978967-11768-4-9) 45, Kuala Lumpur: MALAYSIA.

Temu bual bersama Ridzuan Ahmad, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, Operasi Agihan dan Pembangunan Asnaf, Lembaga Zakat Kedah bertarikh 22 Oktober 2020.